

SPMRSM IGCSE

PENGANTARABANGSAAN SISTEM MRSM

Transformasi pendidikan yang dicetuskan '*MARA The Way Forward*', mencabar MRSM untuk melahirkan pelajar yang global, cemerlang dan kompetitif (GEC), khususnya untuk membantu negara menjayakan Model Ekonomi Baru (MEB). Oleh itu, MRSM berhasrat untuk menghasilkan modal insan yang memenuhi keperluan pasaran pekerjaan bertaraf dunia.

Program SPMRSM IGCSE diperkenalkan sebagai wacana untuk memenuhi keperluan lokal dan global dengan mementingkan keperluan Bahasa Inggeris sebagai bahasa antarabangsa. Program SPMRSM IGCSE adalah program gabungan kurikulum kebangsaan dan kurikulum antarabangsa Cambridge. Pelajar akan menduduki dua pensijilan; *International General Certificate of Secondary Education* (IGCSE) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

IGCSE merupakan nilai tambah (*added value*) kepada sistem pendidikan MRSM yang sedia ada, dengan hasrat supaya para pelajar MRSM dapat menimba ilmu dan berupaya melampaui SPM. Tambahan pula, sijil Peperiksaan IGCSE merupakan kelayakan yang berprofil tinggi dan diktiraf di kebanyakan universiti antarabangsa.

GARIS MASA PROGRAM SPMRSM IGCSE

TINGKATAN 1		TINGKATAN 2		TINGKATAN 3		TINGKATAN 4		TINGKATAN 5	
Sem 1	Sem 2	Sem 1	Sem 2	Sem 1	Sem 2	Sem 1	Sem 2	Sem 1	Sem 2
Cambridge Secondary 1				Cambridge Secondary 2					
Peperiksaan Kebangsaan				↑ PT3				↑ SPM	
Pentaksiran Cambridge				↑ CHECKPOINT		↑ IGCSE			

SENARAI SUBJEK YANG DITAWARKAN

CAMBRIDGE SECONDARY 1 (Tingkatan 1 -2) Checkpoint - <i>diagnostic test</i>		CAMBRIDGE SECONDARY 2 (Tingkatan 3 – 4) IGCSE	
1110	English as a Second Language	0510	English as a Second Language (<i>Oral Endorsement</i>)
		0580	Mathematics (<i>Without Coursework</i>)
1112	Mathematics	0606	Additional Mathematics
		0610	Biology
1113	Science	0620	Chemistry
		0625	Physics